



KENANGAN: Delegasi UMS merakamkan gambar bersama Ramlan dan kakitangan MUIS.

PPPH UMS, MUIS bincang kerjasama strategik perkasa industri, ekosistem halal di Sabah

UB 04.02.2024 P.02

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTAKINABALU: Kerjasama yang dijalin antara **Pusat Perkhidmatan dan Penyelidikan Halal (PPPH)** dibawah Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama hab halal Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) mampu menyumbang perkembangan hab halal di Sabah.

Pengarah PPPH Dr. Noorakmar Abd Wahab berkata, satu kunjungan dijalankan di Pejabat MUIS bagi membincangkan kerjasama dengan hab halal MUIS dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkhidmatan halal dengan mengambil kira peranan PPPH selaku penyedia latihan halal (PLH) yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Sabah.

"PPPH bersedia memainkan peranan dalam memberikan latihan dan kursus yang diperlukan oleh pengusaha makanan sama ada di peringkat kolej, kecil dan sederhana serta perusahaan besar.

"Justeru, perbincangan ini adalah permulaan terbaik untuk satu usaha ke arah kerjasama yang lebih strategik dan bersasar antara kedua-dua pihak sebagai meneruskan kesinambungan Memorandum Persefahaman yang telah dimeterai antara UMS dan MUIS sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengetuai delegasi UMS mengadakan kunjungan hormat terabit.

Delegasi UMS seramai lima orang disambut oleh wakil dari hab Halal Sabah yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MUIS, Ramlan Awang Ali.

Hadir sama Dekan FSMP, Prof. Madya Dr. Hasmadi Mamat dan ahli-ahli kumpulan penyelidik halal iaitu Mohd Hazim Mohd Yusof, Dr. Nor Qhairul Izzreen Mohd Noor, dan Dr. Yanty Noorzianna Abdul Manaf.

Sementara itu, beliau memaklumkan, beberapa kertas cadangan berkaitan aktiviti penyelidikan juga disampaikan kepada MUIS, termasuk potensi kerjasama

dalam penganjuran Simposium Halal yang dijangka akan diadakan Ogos depan di Sutera Harbour, di sini.

"Dengan adanya tenaga pakar di PPPH, penyelidikan bersama dari segi analisis halal dan pengetahuan berkenaan halal dapat dilaksanakan dan seterusnya dapat memberi maklumat mengenai lanskap halal yang diperlukan oleh MUIS.

"PPPH dan MUIS jika bergerak bersama mampu mewujudkan sinergi positif dalam memperkasakan industri dan seterusnya ekosistem halal di Sabah," katanya.

Noorakmar turut menzahirkan penghargaan kepada MUIS yang sentiasa memberi sokongan kepada PPPH dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan halal.

"Diharapkan kerjasama yang berterusan di antara UMS dan MUIS akan memberi manfaat kepada Sabah dalam menjadi hab halal terutama dalam penghasilan makanan yang bukan hanya halal tetapi juga toyyiban," katanya.